

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR NO. 1/1979

Perlaksanaan Ejaan Rasmi Nama-Nama Tempat di Semua Pelan-Pelan Dan Peta-Peta Jabatan Ukur Semenanjung Malaysia Dan Direktorat Pemetaan Negara Malaysia

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memimplimantasikan penggunaan ejaan rasmi Bahasa Malaysia di semua pelan-pelan dan peta-peta yang disediakan dan diterbitkan oleh Jabatan Ukur Semenanjung Malaysia dan Direktorat Pemetaan Negara Malaysia. Ini adalah bersesuaian dengan dasar Kerajaan dan juga Surat Pekeliling Jabatan Perdana Menteri No. 1/77 Pengarah-Pengarah Ukur dan Ketua-Ketua Bahagian perlulah memberikan perhatian yang berat dan bersungguh-sungguh bagi menjamin kejayaan pelaksanaannya.

2. Untuk memudahkan Pengarah-Pengarah Ukur dan Ketua-Ketua Bahagian melaksanakan dasar ini dengan lebih berkesan berikut ini diperturunkan beberapa panduan yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka:

- a. Apabila meneliti dan menentukan ejaan sesuatu tempat maka hendaklah diambil perhatian terhadap ciri-ciri kedaerahan, faktor sosio- linguistik dan penerimaan umum.

Misalnya:

Lubuk Antu (Sarawak); seharusnya jadi **Lubuk Hantu** tetapi perkataan **Antu** dianggap sebagai kata daerah di Sarawak. **Lubok** Antu jadi **Lubuk** Antu.

Pasir Mas (Kelantan); seharusnya jadi **Pasir Emas** tetapi **mas** adalah juga variasi ejaan yang boleh diterima bagi **emas**. **Pasir Mas** dikekalkan.

- b. Semua kata yang lazim atau kata paramuka atau yang menunjukkan ciri-ciri geografi yang digunakan di samping kata lain untuk membentuk nama tempat disesuaikan dengan ejaan standard. Di antaranya:

Empat	bukan	Ampat
Enam	"	Anam

Habuk	"	Abuk
Hilir	"	Iilir
Hulu	"	Ulu
Nyior	"	Niyur, Niyor
Hitam	"	Itam
Lubuk	"	Lubok
Sungai	"	Sungei
Tasik	"	Tasek
Gunung	"	Gunong
Teluk	"	Telok
Alur	"	Alor
Tanjung	"	Tanjong
Air	"	Ayer
Kampung	"	Kampong
Banggul	"	Banggol

- c. Nama tempat yang menggunakan nama orang dikekalkan mengikut ejaan asal nama orang yang berkenaan:

Misalnya:

Slim River	Jadi	Sungai Slim
Shah Alam	"	Shah Alam

- d. Nama tempat yang berasal dari perkataan umum yang masih kekal erti dasarnya atau dapat dicari ertinya disesuaikan dengan ejaan baru.

Misalnya:

Kuching (Sarawak) ; kata nama sejenis binatang ditukar jadi **Kucing**

Ampangan (N. Sembilan); **Ampang Jaya** (Selangor) berasal dari perkataan **Empang** (tambak menahan air)

Ampangan	Jadi	Empangan
Ampang Jaya	"	Empang Jaya

- e. Bagi kata nama tempat yang tidak dapat lagi disurih atau dicari ertinya, ejaan asal boleh diterima dengan hanya menukarkan konsenan **ch** atau **sh** kepada **c** atau **sy**.

Misalnya:

Bt. Churok, mungkin boleh jadi **Bt. Curuk** tetapi disebabkan curuk tidak mempunyai sebarang erti maka ejaan asalnya boleh diterima dengan hanya menukarkan konsonan **ch** kepada **c**.

Bt. Churok	Jadi	Bt. Curok
-------------------	------	------------------

- f. Nama-nama tempat yang dieja menurut pelat atau sialek sebutan orang Inggeris atau orang-orang bukan Melayu wajib dieja semula mengikut ejaan standard.

Misalnya:

Klang	jadi	Kelang
Tanjung Bungah	"	Tanjung Bunga
Ampang	"	Empang

- g. Nama-nama tempat yang disalah transliterasikan dari ejaan jawi perlu disesuaikan dengan ejaan rumi yang standard.

Misalnya:

Trengganu (*dalam tulisan jawi*) jadi **Terengganu** Bentuk gugusan konsenan seperti tr, bl,br,sk dan lain-lain tidak harus pada

kata yang bukan kata pinjaman.

Kota Bharu (*dalam tulisan jawi*) Kota **Baharu**. Begitu juga nama-nama tempat yang menggunakan perkataan **bahru** dan lain-lain perlu diselaraskan jadi **Baharu**.

3. Bersama-sama ini juga dilampirkan senarai nama-nama tempat di Malaysia yang telah disemak dan diluluskan oleh pihak Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, untuk dilaksanakan. Bagi nama-nama lain yang mungkin diperlukan dari semasa kesemasa panduan hendaklah diambil dari senarai ini dan juga dari panduan-panduan diperenggan 1(a hingga g) di atas, kecuali jika timbul sesuatu percanggahan di mana keputusan Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, hendaklah didapatkan melalui Ibu Pejabat ini.
4. Arahan ini adalah berkuatkuasa dengan serta-merta, terutamanya bagi kerja-kerja baharu. Pelan-pelan dan peta-peta lama yang telah sedia menggunakan ejaan lama adalah terkecuali. Bagi kerja-kerja yang sedang berjalan, Pengarah-Pengarah Ukur dan Ketua-Ketua Bahagian perlulah menggunakan budibicara masing-masing untuk menyesuaikan.

DATO' PAUL FOO

Ketua Pengarah Ukur,
Pengarah Pemetaan Negara.

Tarikh: 1hb. Mac, 1979.